



DR. SYARFA ZAHIRAH SAPUAN
menerima anugerah dari FKI.

Penyelidikan EMCenter dapat pengiktirafan

UTHM turut mencatat sejarah apabila produk penyelidikan Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan (EMCenter) yang bertajuk *Integrated Electrical Characterization System Using Coaxial Cell* mendapat pengiktirafan dari The Federation of Korean Industries (FKI) yang diadakan di Korea baru-baru ini.

Penyelidikan tersebut dianugerahi pingat emas dan hadiah khas dalam Pameran Reka Cipta Antarabangsa Seoul 2014 (SIFF 2014).

Menurut kenyataan UTHM, produk hasil kajian Profesor Dr. Mohd Zarar Mohd Jenu, Jafer Omer Suliman Azzabi dan Dr. Syarfa Zahirah Sapuan tersebut mampu untuk mengukur *scattering parameters* atau parameter S sesuatu bahan dielektrik dengan mudah dan tepat bagi jangkauan frekuensi yang luas sehingga 2 GHz.

“Pengiktirafan dari FKI membuktikan penyelidikan di EMCenter adalah berorientasikan keperluan industri global.

“Produk ini berjaya menarik perhatian pihak industri di Korea kerana reka bentuk yang unik dan aplikasi yang meluas. Cabaran seterusnya adalah untuk proses pengkomersilan yang akan diusahakan dengan bantuan ORICC,” kata kenyataan tersebut.

EMCenter juga berjaya memperoleh pingat emas bagi produk Dr. Erwan Sulaiman yang bertajuk *Field Excitation Flux Switching Motor* yang mempunyai aplikasi dalam reka bentuk sistem pemacu bagi kereta elektrik.

EMCenter menghargai sokongan yang diberikan oleh staf di Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC), pengurusan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan juga UTHM keseluruhannya dalam memastikan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi di universiti berkenaan.